

**POLIS DALAM DUA ZAMAN, SEBELUM DAN SELEPAS  
PEMBENTUKAN MALAYSIA :  
PENGLIBATAN SARJAN (B) JEFFRI MOHD ASRI**

**POLICE IN THE TWO ERAS, BEFORE AND AFTER THE  
FORMATION OF MALAYSIA: INVOLVEMENT OF  
SERGEANT (B) JEFFRI MOHD ASRI**

**Abdul Rahman Mad Ali@Abang,**  
[manabulrahman743@gmail.com](mailto:manabulrahman743@gmail.com);

**Bilcher Bala**  
[bilcher@ums.edu.my](mailto:bilcher@ums.edu.my);

**Ramli Dollah**  
[ramlid@hotmail.com](mailto:ramlid@hotmail.com)

Faculty of Social Sciences and Humanities,  
Universiti Malaysia Sabah

**ABSTRACT**

The task of defending the sovereignty of the country is not easy. Recognizing this fact, efforts to track down the warriors who serve the nation need to be worked out to honor and appreciate their struggle for future generations. The experience with the police force in two different periods, namely the British occupation, and Sabah's independence in Malaysia was a privilege for a police veteran named Sergeant (B) Jeffri Mohd Asi. He has received many medals for his invaluable service to the security forces, state of Sabah, and Malaysia in general. In the study of this paper, the methods used are library studies, archival studies and selected interviews among police veterans. In conclusion, this paper will reflect on his experiences and explain his involvement in important events before and after the establishment of Malaysia.

**Keywords:** Service, Police Veteran, Sergeant (B) Jeffri Mohd Asi, Sabah.

## ABSTRAK

Tugas mempertahankan kedaulatan negara bukanlah mudah. Menyadari akan hakikat itu, usaha menjejaki pejuang yang berbakti kepada negara perlu diusahakan untuk menghormati dan menghargai perjuangan mereka bagi tatapan generasi masa hadapan. Pengalaman bersama pasukan polis pada dua zaman yang berbeza, iaitu penjajahan British dan kemerdekaan Sabah dalam Malaysia merupakan suatu keistimewaan bagi seorang veteran polis bernama Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi. Beliau telah menerima pelbagai pingat kerana jasa bakti yang tidak ternilai kepada pasukan keselamatan, negeri Sabah dan negara Malaysia amnya. Dalam penelitian kertas kerja ini, kaedah yang digunakan ialah kajian kepustakaan, kajian arkib dan temu bual terpilih dalam kalangan veteran polis. Tuntasnya, kertas kerja ini akan mengimbuai pengalaman dan menjelaskan penglibatan beliau dalam peristiwa penting pada sebelum dan selepas pembentukan Malaysia.

**Kata Kunci:** Penglibatan, veteran Polis, Sarjan (b) Jeffri Mohd Asi, Sabah

## Pengenalan

Penulisan autobiografi berkaitan tokoh sejarah di Malaysia kebanyakan dilakukan ke atas tokoh politik, tokoh pentadbiran eksekutif, para guru, dan ulamak.<sup>1</sup> Penulisan tentang tokoh polis dan jasa mereka masih kurang

---

<sup>1</sup> Zakaria Saleh. *Biografi Seorang Jeneral Tan Sri Abdul Hamid Bidin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995; Selamat Bin Sainayune. *Polis Wanita Sejarah Bergambar 1955-2007*, Petaling Jaya: Publication, 2007; Kamarudin Salleh, Liyana Mustafa, *Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Abdul Shukor Husin: Kajian Biografi Ringkas*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018; Mohd Kasri Kasri Saidon, Sepintas Lalu Mengungkap Beberapa Elemen Sejarah Kedah Dalam Autobiografi Sebuah Perjalanan Karya Abdullah Hussain Tumpuan Kepada Sejarah Tempatan Sungai Limau Daerah Yan, December 2016, Conference: Persidangan Sejarah Lisan Malaysia-Thailand, At: Pak Bara, Thailand; Aisyah Ab Rahim, Mohd Roslan Mohd Nor. Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam Di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957): Satu Tinjauan Biografi. *Jurnal Al-Muqaddimah*, 2014, 2(2): 90-101.

dilakukan oleh penulis dan pengkaji di Malaysia. Kajian autobiografi tokoh dalam bidang sejarah adalah merujuk kepada peristiwa yang melingkari tokoh yang ditulis seperti sekitar sesuatu peristiwa yang hendak diceritakan. Bersifat peribadi iaitu merakamkan ingatan sejak kelahiran sehingga peristiwa akhir dalam karya atau kerjaya. Dalam konteks penulisan ini, fokusnya merujuk kepada pengalaman seorang Sarjan Polis yang telah berkhidmat pada dua zaman, sebelum dan selepas pembentukan Malaysia. Justeru, penulisan ini merupakan kajian autobiografi Sarjan (B) Jeffry Mohd Asi. Kajian ini menggambarkan tentang tokoh seorang Sarjan (B) yang telah berbakti dalam pasukan Polis pada dua zaman, iaitu zaman sebelum dan selepas pembentukan Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Dalam penelitian ini, kaedah dan bahan yang digunakan merangkumi catatan penyelidikan bermula dengan kajian perpustakaan merujuk kepada usaha mendapatkan maklumat terkait mengenai kajian yang diteliti. Kajian dilakukan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Tun Mustapa, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya. Selain itu kajian ini turut menggunakan sumber kajian arkib. Kajian sumber arkib ini merangkumi kajian dokumen, fail, surat, gambar dan akhbar yang tidak diterbitkan dari Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia, Cawangan Sabah, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Muzium Polis Kuala Lumpur. Muzium Tentera Darat di Port Dickson, Negeri Sembilan turut dirujuk dalam mendapatkan maklumat mengenai kajian ini. Akhir sekali, kajian ini turut menggunakan kaedah temu bual dalam mendapatkan maklumat yang belum didokumentasikan lagi. Pendekatan temubual ini dijalankan secara terpilih dari kalangan veteran pasukan Polis yang masih hidup sezaman dalam pasukan Polis dengan Sarjan (B) Jeffry Mohd Asi telah ditemubual bagi memberikan penjelasan mengenai kerjaya beliau dalam Polis.

Penelitian perjalanan kerjaya Sarjan (B) Jeffry Mohd Asi dari awal dalam pasukan Polis hingga tamat tempoh perkhidmatannya adalah melalui pendekatan autobiografi. Penelitian ini adalah penelitian sejarah iaitu kajian mengenai tokoh atau sering disebut penelitian riwayat hidup *Individual Life History*. Metod penelitian yang dipakai adalah metod penelitian sejarah, yang dibagi dalam empat tahap iaitu Pertama, tahap pengumpulan sumber yang berkaitan dengan topik yaitu data wawancara, dokumen dan bahan dari surat

kabar. Berkait dengan wawancara tidak terstruktur diharapkan dapat diungkap berbagai persoalan yang berkaitan dengan fokus kajian. Kedua, kritik atau kegiatan menelaah sumber secara kritis. Ketiga, tahap interpretasi (penafsiran) terhadap data. Keempat tahap akhir adalah penulisan ilmiah dalam bentuk Skripsi.

## **Ulaskan Autobiografi Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi**

Penulisan tentang tokoh dan jasa anggota polis melalui pendekatan autobiografi di Malaysia adalah penting kerana banyak jasa, pengorbanan, suka duka sejarah hidup mereka terutama pada era sebelum dan selepas pembentukan Malaysia masih belum terbongkar untuk menjadi tatapan bacaan umum. Mempertahankan negara bukanlah satu tugas yang mudah. Menyedari akan hakikat itu, usaha menjejaki pejuang yang berbakti kepada negara perlu diusahakan untuk menghormati dan menghargai perjuangan mereka bagi tatapan generasi masa hadapan. Pengalaman bersama pasukan polis pada dua zaman yang berbeza, iaitu penjajahan British dan kemerdekaan Sabah dalam Malaysia merupakan suatu keistimewaan bagi seorang veteran Polis bernama Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi. Beliau dilahir pada 17 April 1943 di Kampung Sembulan Lama. Etnik adalah campuran Bajau Samah - Brunei dan beragama Islam. Kini beliau telah berusia tujuh puluh enam (76) tahun.<sup>2</sup> Ibu beliau bernama Azizah Binti Sarudin atau Dayangku Azizah Binti Pengiran Sarudin) dari etnik Brunei berasal dari Kampung Rugading, Tuaran. Manakala Ayah beliau pula bernama Mohd Asi Bin Hassin dari etnik Bajau Samah. Beliau mempunyai lima saudara kandung, pertama, Hajjah Harmah Binti Mohd Asi, kedua, Hajjah Halimah Binti Mohd Asi, ketiga, Tailah Binti Mohd Asi, keempat, Jeffri Bin Mohd Asi, dan kelima, Wasli Bin Mohd Asi.<sup>3</sup>

Beliau telah dilahirkan di Sembulan Lama, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia pada 13 April 1943 (daftar lewat kerana Perang Jepun). Tarikh lahir sebenar beliau 13 April 1939. Beliau berdarah campuran Bajau-Brunei (bapa) dan Brunei-Dusun (ibu). Di zaman Perang Jepun (1941-1942) keluarga beliau berpindah dari Sembulan dan menetap di Kinarut buat sementara disebabkan Jesselton waktu itu termasuk kawasan sekitarnya telah di bom oleh tentera persekutuan. Keluarga beliau balik ke Sembulan selepas Perang Jepun.<sup>4</sup> Beliau mula bersekolah di *Government Primary English School* Tanjung Aru

---

<sup>2</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos, 2018.

<sup>3</sup> *Ibid.*,

<sup>4</sup> *Ibid.*,

pada tahun 1952, kemudian pada tahun 1958 dan pada masa yang sama belajar di Sabah College Secondary Class sehingga 1960.<sup>5</sup>

Pada 1 Januari 1961 beliau bertugas di Department of Civil Aviation” setahun setengah sebelum memohon “Department Transfer” ke *North Borneo Armed Police Constabulary* (PC1258) pada 30 Jun 1962.<sup>6</sup> Pada 31 Julai 1962 beliau dihantar ke PULAPOL (Pusat Latihan Polis), Jalan Gurney, Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu sebelum menamatkan latihan Jungle Warfare di Dusun Tua, Selangor. Beliau telah di hantar ke Operasi pertama beliau iaitu Operasi Pembersihan saki baki Komunis di Baling, Pahang dan Gerik, Kelian Intan, Perak sehingga Disember 1962 di mana beliau dan rakan rakan di panggil balik ke Sabah dengan serta merta disebabkan peristiwa Pemberontakan Brunei.

Pada awal bulan Disember 1962 beliau dihantar kembali ke Sabah, ditugaskan sebagai “Attending Officer” membawa 450 laras senapang jenis Carbine untuk kegunaan dalam Operasi Pemberontakan Brunei dan beliau di tempatkan di kem sementara “Paradise Camp” Kota Belud, Sabah.<sup>7</sup> Beliau turut serta dalam Operasi Weston, pembersihan saki baki Pemberontak Brunei yang terdiri daripada Tentera Nasionalis Kalimantan Utara dari Weston, Lubuk, Lingkungan, Lumahan, Banting sehingga Kuala Mengalum selama enam (6) bulan. Seterusnya beliau ditempatkan di “B Kompeni” Keningau Camp di mana beliau dipindahkan sementara ke Sipitang Camp untuk menyertai Operasi Meligan, operasi pembersihan saki baki Pemberontakan Brunei tentera Nasional Kalimantan Utara di sempadan Sabah, Sarawak dan Brunei selama lapan (8) bulan.<sup>8</sup>

Pada tahun 1964 beliau diserapkan sebagai anggota tempatan Queen Royal Irish Hussars Tank troop selama enam (6) bulan dan selepas itu beliau ditugaskan ke Semporna Tawau selama lima (5) tahun dalam “ Operasi Lanun” di Pantai Timur, Sabah. Kemudian beliau ditugaskan di “C Kompeni” “Sandakan Camp” dalam “Operasi Lanun” pembersihan Lanun di Sandakan dan Kinabatangan selama empat (4) bulan.<sup>9</sup> Pada tahun 1969 semasa menjalankan latihan di Pulapol, Kuala Lumpur berlaku Peristiwa 13 Mei 1969, beliau telah ditempatkan di Stesen Keretapi Kuala Lumpur di mana beliau menerima arahan untuk memastikan keamanan melalui mengawal dan

---

<sup>5</sup> *Ibid.*,

<sup>6</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos 2018.

<sup>7</sup> *Ibid.*,

<sup>8</sup> *Ibid.*,

<sup>9</sup> *Ibid.*,

meronda serta mendapat perintah untuk mengambil tindakan keras (arahan tembak) kepada sesiapa yang melanggar arahan perintah berkurung.<sup>10</sup>

Pada tahun 1970 beliau ditugaskan di “D Kompeni” “Tawau Camp” bahagian Semboyan selama lima (5) bulan.<sup>11</sup> Pada tahun 1971 beliau ditugaskan dalam Operasi Sibu, pembersihan Komunis di Sarawak selama sembilan (9) bulan. Pada tahun 1975 ditugaskan di Kota Kinabalu, Briged Pasukan Polis Hutan Keapayan, Sabah sebagai *Criminal Investigation Officer* (CID) Jurulatih Padang dan Radio.<sup>12</sup>

Pada tahun 1986 beliau terlibat dalam penyiasatan Kes Rusuhan Sabah 1986 dan selepas itu dari 1986-1990 beliau ditugaskan sebagai Penolong Pegawai Penyiasat Jenayah di Kota Belud, 1991-1993 di mana beliau berjaya membuat 1,722 tangkapan dalam kes jenayah di Kota Belud.

Pada tahun 1994, beliau dilantik menjadi Officer Commanding (OCS) di Tambunan, Officer Commanding Station (OCS) di Tanjung Aru, 1995-1998 *Office Commanding Station* (OCS) di Kota Kinabatangan sehingga bersara pada 13 April 1998.<sup>13</sup>

Beliau bertugas sambil berbakti kepada negara selama negara selama tiga puluh tujuh (37) tahun dan menerima 10 pingat jasa bakti seperti Pingat Peringatan Am, Pingat Peringatan Malaysia, General Service Medal (GSM, Brunei), General Service Medal (GSM England), Pingat Peringatan Setia, Pingat Peringatan Negeri, Pingat Jasa Pahlawan Negara dan Pingat Bentara Pasukan Polis.

Kerjaya beliau bermula hanya sebagai prebet biasa. Tetapi dedikasi ketekunan dan disiplin yang ditanamkan dalam dirinya sejak kecil menyerlahkan kewibawaan beliau sebagai tokoh anggota tentera yang disegani. Beliau juga terkenal dengan ketegasan dan keberaniannya ketika menjalani tugas. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi pegawai tentera seterusnya dilantik memegang jawatan Ketua Turus Angkatan Tentera Darat. Kegemilangan kerjaya beliau dilantik sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera Darat Malaysia sebagai satu tanggungjawab tertinggi dalam angkatan tentera. Tan Sri Jeneral Abdul Hamid sebagai orang kuat tentera turut terlibat menangani situasi cemas dalam negara terutamanya pada zaman darurat, Peristiwa 13 Mei 1969, masalah Komunis, persitiwa Konfrontasi di antara

---

<sup>10</sup> *Ibid.*,

<sup>11</sup> *Ibid.*,

<sup>12</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos, 2018.

<sup>13</sup> *Ibid.*,

Indonesia dengan Malaysia. Liku liku kehidupan beliau semasa remaja menjadi anggota tentera dan selepas sewajarnya dirakamkan untuk panduan generasi akan datang.<sup>14</sup>

Jepun telah mengundurkan pasukannya pada akhir Perang Dunia Kedua, ekonomi Malaya berada dalam krisis. Upah adalah rendah, pengangguran tinggi dan serangan biasa. Pentadbiran British bertindak kasar dengan pemrotes dan kelompok politik kiri yang diharamkan seperti Partai Komunis Malaya, yang sayap tentera, Tentera Pembebasan Tanah Malaya, memulakan kempen gerila yang berjaya melawan simbol-simbol kuasa penjajah, lombong dan ladang. Dalam keadaan terdesak, Tentera British menghidupkan semula pasukan yang telah dibubarkan selepas Perang Dunia Kedua: SAS. Reformasi sebagai Pengakap Malayan, tugas mereka adalah untuk berjaya di mana pasukan prajurit biasa gagal dan mengambil perjuangan kepada pemberontak di dalam hutan, beroperasi sebagai gerila sendiri. Pengakap Malayan (SAS) adalah kisah satu pengalaman prajurit dalam operasi SAS semasa Kecemasan Tanah Melayu, yang memerangi musuh yang kejam dalam persekitaran. Orang British tidak selalu melindungi diri mereka, dan ini adalah kisah pemberontakan, kekejaman dan kekerasan seperti kemahuan dan keberanian. Walau bagaimanapun, pengalaman dari memori lalu adalah sejarah yang sangat berharga. Akhirnya penulisan ini melakar sejarah Malaya dalam Darurat dan sejarah awal negara sebelum merdeka. Malaya pada saat itu masih menjadi Tanah Jajahan British.<sup>15</sup>

Sejarah mengenai usaha menggulingkan kedaulatan dan pentadbiran Kesultanan Brunei yang dipelopori oleh A.M.Azahari. Usaha pembentukan Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU) disokong oleh Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU). Situasi genting ini kemudian telah mendesak British untuk membantu menamatkan pemberontakan tersebut kerana Brunei merupakan negara yang bernaung kepada British. Kelebihan penulisan ini adalah ia memfokuskan detik awal Konfrontasi, iaitu bermula di Brunei seterusnya menular.<sup>16</sup>

Menyingkap hubungan Malaysia dengan Indonesia dari tahun 1957 hingga tahun 1970. hubungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Indonesia dari tahun Ogos 1957 hingga penubuhan Persekutuan Malaysia. Tumpuan ini

---

<sup>14</sup> Zakariah Saleh, *Biogarfi Seorang Jeneral Tan Sri Abdul Hamid Bidin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

<sup>15</sup> J.C. Durkin, *Malayan Scouts SAS A Memoir of The Malayan Emergency, 1951*, Great Britain: Spellmount, 2011.

<sup>16</sup> Awang Mohd. Jamil Al-Sufi, *8 Disember: Dalangnya Siapa?*. Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan: Bandar Seri Begawan, 2003.

lebih tertumpu kepada aspek hubungan dua hala dalam lingkungan 1957 hingga 1970. Lingkungan ini turut menyelitkan tentang Konfrontasi yang menyebabkan hubungan bilateral Malaysia - Indonesia terputus. Menjalinkan hubungan yang sangat erat tanpa sebarang pertelingkahan sehinggalah Tunku Abdul Rahman menyuarakan pembentukan Malaysia. Namun hubungan tersebut diakhiri oleh konflik yang berpanjangan sehingga menyebabkan hubungan diplomatik terputus. Selain itu, penulis turut membahaskan mengenai hubungan Malaysia-Indonesia semasa konfrontasi berlangsung, pemutusan hubungan ekonomi semasa konfrontasi dan usaha-usaha pemulihan. Beliau juga turut membahaskan hubungan Malaysia-Indonesia daripada segi hubungan politik, ekonomi, sosial, keselamatan dan sebagainya selepas daripada kemelut konfrontasi sehingga 1970. Namun begitu penulisan ini hanya membincangkan sepintas lalu mengenai hubungan ekonomi, tiada penekanan secara terperinci mengenai ekonomi yang dibahaskan memandangkan kajian beliau lebih berfokuskan politik. Walau bagaimanapun, aspek berkenaan dengan situasi genting di sempadan Sarawak dan Sabah dalam Konfrontasi hanya menjadi sisipan sahaja.<sup>17</sup>

Konfrontasi Indonesia-Malaysia adalah satu zaman penting dalam sejarah Malaysia. Usaha membentuk Malaysia telah mendapat tentang hebat dari Indonesia. Konfrontasi wujud atas respon penentangan Indonesia terhadap Malaysia. Penentangan dalam Konfrontasi ini tidak hanya pada aspek propaganda politik malah turut melibatkan tindakan subversif ketenteraan Indonesia ke atas wilayah Malaysia. Situasi genting ini lebih genting berlaku di wilayah Malaysia di Borneo khususnya sempadan Sarawak-Kalimantan Barat (Kalbar) dan sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim). Oleh itu, penjelasan buku ini merungkaikan hal respon Indonesia terhadap Malaysia dari mula Konfrontasi dan pekungannya dan usaha rundingan pendamaian turut diperjelaskan.<sup>18</sup>

## **Polis Dalam Dua Zaman Sebelum Dan Selepas Pembentukan Malaysia**

Pengalaman bersama pasukan polis pada dua zaman yang berbeza, iaitu penjajahan British dan kemerdekaan Sabah dalam Malaysia merupakan suatu keistimewaan bagi seorang veteran Polis bernama Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi. Beliau telah menerima pelbagai pingat kerana jasa bakti yang tidak ternilai kepada pasukan keselamatan, negeri Sabah dan negara Malaysia amnya.

---

<sup>17</sup> Kunaseelan Muniandy, *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1969*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

<sup>18</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Indonesia-Malaysia*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.



Sewajarnya jasa dan bakti ini dihargai dengan mengenang kembali pengalaman beliau dalam pasukan Polis sepanjang kerjayanya. Khidmat dan baktinya dalam pasukan Polis sebelum dan selepas pembentukan Malaysia menuntut untuk kita imbau kembali peristiwa masa lalunya. Sebelum pembentukan Malaysia, Sabah yang pada ketika itu dikenali dengan *North Borneo* masih berada dibawah Tanah Jajahan Mahkota British bersama dengan Sarawak.

### **Catatan Dalam Pasukan Polis North Borneo, 1962.**

Pasukan Polis North Borneo adalah pasukan keselamatan yang lahir dalam era pentadbiran British di North Borneo.<sup>19</sup> Sarjan (B) Jeffri Asi mula menyertai pasukan Polis *North Borneo* yang dikenali sebagai *Constabulary Police North Borneo*. Beliau merupakan rekrut terakhir *Constabulary Police North Borneo*. Dalam Foto:1.1, Foto 1.2 dan Foto 1.3 semasa memperlihatkan Sarjan (B) Jeffri semasa menamatkan latihan di Pulapol, Kuala Lumpur.<sup>20</sup>



**Foto 1:1**

---

<sup>19</sup> Adams, M.C, *The Constabulary of North Borneo*, British North Borneo Constabulary, 1929.

<sup>20</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos, 2018.



Foto 1.2



Foto 1.3

### **Catatan Ketika Operasi Menjejaki Pemberontak Brunei, 1962.**

Pemberontakan Brunei 8 Disember 1962 sejarah penting merupakan detik terawal Konfrontasi Indonesia-Malaysia.<sup>21</sup> pasukan Polis North Borneo ().<sup>22</sup> Selepas Pemberontakan Brunei 1962 di Brunei, Pasukan Polis North Borneo yang dianggotai oleh beliau dan pasukannya telah dikerah untuk menjejaki kumpulan pemberontak yang dimaklumkan telah melarikan diri dari Brunei ke kawasan sekitar Sipitang. Lokasi beliau dan pasukannya telah dipertanggungjawabkan untuk menjejaki dan mencari jejak kumpulan pemberontak yang dipercayai masih berada di kawasan itu. Rondaan harian diadakan pada waktu pagi dan sebelah petang.<sup>23</sup> Foto 1.4 dan Foto 1.5 menunjukkan Sarjan (B) Jeffri ketika bertugas di Sipitang.

---

<sup>21</sup> Mackie, *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*, London: Oxford University Press, 1974; Nick Van Der Bilj, *Confrontation War With Indonesia 1962-1966*, London: Pen & Sword, 2007.

<sup>22</sup> *North Borneo New & Sabah Times*, 10 December 1962, hlm 1; *North Borneo New & Sabah Times*, 17 December 1962, hlm 5.

<sup>23</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos, 2018.



Foto 1.4



Foto 1.5

### **Catatan Ketika Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963.**

Malaysia akhirnya berjaya dibentuk secara rasminya pada 16 September 1963.<sup>24</sup> Namun Malaysia telah diberi tentangan hebat dari negara jiran Indonesia.<sup>25</sup> Konfrontasi Indonesia Malaysia 1963-1966 merupakan satu ancaman perang kepada Malaysia sejarah penting buat Malaysia.<sup>26</sup> Pada era Konfrontasi ini, Sarjan (B) Jeffri bersama satu pasukan telah ditugaskan mengawal pos kawalan minyak di Meligan, yang terletak dalam Residensi Pendalaman Sabah. Kawalan stok minyak di Meligan penting untuk tujuan logistik tentera British yang membuat rondaan sekitar kawasan pendalaman Meligan, Long Pasia Dan Long Mio.<sup>27</sup> Sarjan (B) Jeffri Asi semasa bertugas di Keningau sedang menanti Helikopter untuk dihantar ke kawasan Melingan berserta barangan keperluan, minyak, peluru dan makanan, lihat Foto 1.6. Beliau juga turut serta membantu pasukan Queen Royal Irish Hussars 1964 di Keningau dan Tenom. Pasukan Queen Royal Irish Hussars pada Foto 1.7 di Tenom, Sabah. Beliau berperanan sebagai dalam memberi tunjuk ajar kepada pasukan Royal Harris dalam aspek kearifan lokal mengenai taktik perang dalam hutan.<sup>28</sup>

---

<sup>24</sup>Berita Harian, 16 September, 1963.

<sup>25</sup> E.D, Smith, *Malaya And Borneo:Counter Isurgensy 1*, London: Ian Allan Ltd, 1985; Syed Othman Syed Omar, *Tentera Malaysia Dalam Konfrontasi*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia,1999.

<sup>26</sup> James Harold, Denis Small Shell, *The Underclared War*, London: Leo Cooper,1991.

<sup>27</sup> Nick Van Der Bilj, *op.cit.*, 128.

<sup>28</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos 2018.



Foto 1.6



Foto 1.7

### Catatan Ketika Peristiwa 13 Mei, 1969.

Dalam Peristiwa 13 Mei 1969 adalah titik hitam dalam lembaran sejarah Malaysia.<sup>29</sup> Situasi 13 Mei memperlihatkan satu pasukan polis Sabah yang berada di Kuala Lumpur seramai tiga puluh enam (36) orang anggota telah menjalani latihan telah dikerahkan bagi membantu mengawal keselamatan di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur pada ketika itu telah diingatkan perintah darurat telah diisytiharkan oleh Tun Abdul Razak diumumkan dari saluran television diseluruh negara sebagai pemakluman khas.<sup>30</sup> Darurat menyebabkan suasana sepi jelas kelihatan di beberapa jalan utama di Kuala Lumpur seperti yang diperlihatkan pada Foto 1.8 dan Foto 1.9 adalah Laporan Khas Tragedi 13 May. Situasi tersebut memberi kesempatan buat Sarjan (B) Jeffri turut serta dalam mengamankan keadaan di Kuala Lumpur. Beliau ditempatkan disitu bagi mengawal kawasan Stesen Keretapi Kuala Lumpur.<sup>31</sup>

<sup>29</sup> *Report The May 13 Tragedy*, 1969.

<sup>30</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos 2018.

<sup>31</sup> *Ibid.*,



Foto 1.8




Foto 1.9

### Catatan Ketika Komunis di Sibu, Sarawak, 1971.

Komunis adalah ancaman pada negara Malaysia.<sup>32</sup> Menyentuh mengenai operasi memerangi Komunis di Sibu, Sarawak 1971 Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi turut terlibat. Dalam operasi ini terdapat satu pasukan khas Polis dari Sabah yang dikerahkan ke Sibu untuk membantu pasukan keselamatan di situ untuk menjejaki saki baki Komunis yang tdipercayai masih berada kawasan tersebut.<sup>33</sup> Beliau dengan rakan rakan bertembung serta bertempur dengan pasukan Komunis di mana mereka ditembak bertubi tubi sehingga hampir meragut nyawanya.<sup>34</sup> Foto.2.0 memperlihatkan ketibaan Beliau bersama pasukannya di Kuching, Sarawak dengan menggunakan Kapal Laut dari Kota Kinabalu, Sabah.

---

<sup>32</sup> Justus M. Van Der Kroef. *Communism In Malaysia And Singapore : A Contemporary Survey*. The Hague. Martinus Nijhoff, 1967; Selamat Sainayune, *Polis Wanita Sejarah Bergambar 1955-*. Petaling Jaya: Publication, 2007.

<sup>33</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos, 2018; Temubual bersama dengan Sarjan (B) Sibi Rontog, di kediamannya di Kampung Tuaran, Sabah, Malaysia pada 25 Ogos, 2018.

<sup>34</sup> *Ibid.*,



**Foto 2.0**

### **Catatan Ketika Operasi Membanteras Lanun Sandakan, Semporna, Lahad Datu, Sabah.**

Pengalaman terlibat dengan Operasi membanteras lanun juga tidak dapat dilupakan. Sejak dahulu lagi, Sabah sering diberi ancaman oleh lanun pada tahun 1960-an sehingga 1990-an. Pada tahun 1964, Sarjan (B) Jeffi telah terlibat dalam Operasi Pembersihan Lanun Semporna, Tawau bersama dengan pasukan “B” Company. Selain itu, pada tahun 1967 turut sekali lagi terlibat dalam Operasi Pembersihan Lanun, Sandakan dan diserapkan dalam pasukan “C” Kompani.<sup>35</sup>

### **Anugerah Penghargaan Jasa Bakti Dalam Pasukan Polis**

Kerjaya dalam pasukan Polis telah memberikan banyak pengalaman dan kenangan yang sangat berharga. Menyedari akan hakikat itu, kerajaan tidak lupa kepada segala jasa dan bakti yang telah diberikan oleh Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dengan penganugerahan pingat jasa dan bakti kepada beliau. Semua pingat jasa dan bakti yang telah diperolehi seperti berikut;

---

<sup>35</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos, 2018.

### ***The Crown Colony Of North Borneo, (United Kingdom), 1963***

Pingat yang pertama diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi adalah *The Crown Colony of North Borneo, United Kingdom*.<sup>36</sup> Pingat ini dianugerahkan kepada individu yang berkhidmat dari tahun 1946 sehingga 16 September 1963.

### ***General Service Medal (G.S.M,Brunei). (United Kingdom), 1963***

Pingat yang kedua diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi adalah *General Service Medal, United Kingdom*. Pingat GSM Brunei ini dianugerahkan untuk sekurang-kurangnya berkhidmat satu hari pada 8 hingga 23 Disember 1962.<sup>37</sup>

### ***General Service Medal (G.S.M, Borneo) (United Kingdom), 1963***

Pingat yang ketiga diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi ialah G.S.M dari *United Kingdom*. Pingat GSM Borneo ini dianugerahkan yang bertugas bermula dari tahun 1962 sehingga 2007. GSM Borneo dikenali sebagai Kempen Servis Medal.

### ***Peringatan (G.S.M, Malaya) (United Kingdom), 1963***

Pingat yang kedua diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi ialah G.S.M Malaya dari *United Kingdom*.<sup>38</sup> Pingat yang keempat adalah G.S.M, Malaya dari *United Kingdom*. Pingat ini diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi adalah GSM, Malaya dianugerahkan sekurang kurangnya sehari bertugas dari tahun 1918 sehingga 1962.

### ***Peringatan Am (P.P.A), 1963***

Pingat yang kelima diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi ialah Pingat Peringatan Am.<sup>39</sup> Pingat PPA ini merupakan pangkat ketiga antara empat pangkat dalam Darjah Bintang dan pingat bagi perkhidmatan cemerlang dan kelakuan terpuji. Darjah ini merupakan darjah kesembilan antara sepuluh darjah Anugerah Diraja Malaysia. PPA dikurniakan untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat

---

<sup>36</sup> *Ibid.*,

<sup>37</sup> *Ibid.*,

<sup>38</sup> *Ibid.*,

<sup>39</sup> *Ibid.*,

lama dan kelakuan terpuju anggota Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, dan semua pasukan perkhidmatan beruniform.

### **Peringatan Malaysia (P.P.M), 1965**

Pingat yang keenam diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi ialah Pingat Peringatan Malaysia.<sup>40</sup> Pingat PPM ini merupakan pangkat yang tertinggi diantara tiga pangkat pingat peringatan Malaysia. Darjah ini merupakan darja yang terakhir diantara sepuluh darjah Anugerah Diraja Malaysia. Pingat ini khusus untuk mereka yang telah banyak memberi khidmat cemerlang dalam usaha menubuhkan Persekutuan Malaysia hingga 31 Ogos 1965.

### **Peringatan Setia (P.P.S), 1964**

Pingat yang ketujuh diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi ialah Pingat Peringatan Setia.<sup>41</sup> Pingat PPS ini merupakan pangkat yang terakhir antara empat pangkat dalam Darjah Bintang dan Pingat bagi perkhidmatan cemerlang dan kelakuan terpuji. Darjah ini merupakan darjah kesembilan diantara sepuluh Darjah Anugerah Diraja Malaysia. PPS dikurniakan untuk menghargai khidmat lama dan kelakuan terpuji anggota semua anggota tetap angkatan tentera dan semua pasukan perkhidmatan beruniform dalam Malaysia.

### **Pingat Khidmat Bakti (P.K.B), 1967**

Pingat yang kelapan diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi ialah pingat Khidmat Bakti. Pingat yang kelapan diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi ialah Pingat Khidmat Bakti.<sup>42</sup> Pingat PKB ini dizahirkan pada 29 Julai 1960 untuk perkhidmatan dalam pasukan keselamatan dan pasukan berpakaian seragam. Lambang anugerah ini berbentuk pingat bulat yang diperbuat daripada Perak berterap gambar Persekutuan.

---

<sup>40</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos, 2018.

<sup>41</sup> *Ibid.*,

<sup>42</sup> *Ibid.*,



## **Peringatan Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis (B.P.P), 1997**

Pingat yang kesembilan diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi ialah Pingat Peringatan Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis. Pingat yang kesembilan diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi ialah Pingat Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis.<sup>43</sup> Pingat kepahlawanan Pasukan Polis Diraja Malaysia ini membawa gelaran Bentara Pasukan Polis (BPP). Darjah ini dianugerahkan kepada semua Pegawai Rendah Polis termasuk kurniaan kehormat kepada Pegawai Pegawai Rendah Polis Negara Asing yang mempunyai pangkat setaraf.

## **Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN), 2019**

Pingat yang kesepuluh diperolehi oleh Sarjan (B) Jeffi ialah Pingat Jasa Pahlawan Negara.<sup>44</sup> Pingat ini dikurniakan kepada anggota Polis lantikan pada atau sebelum 17 Oktober 1990 layak untuk memilik pingat tersebut. Pingat ini dianugerahkan kepada petugas-tugas Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menghargai jasa kepahlawanan pengorbanan dan kebaktian kepada negara semasa era Darurat dalam perkhidmatan Persekutuan Tanah Melayu bagi tempoh 12 Julai 1948 hingga 31 Julai 1960 dan era insurgensi Komunis pada 17 Jun 1968 hingga 2 Disember 1989 di Malaysia, juga bagi Sabah dan Sarawak pada 1962 hingga 17 Oktober 1990 yang dikenali sebagai “Perkhidmatan Semasa Darurat”.<sup>45</sup>

## **Kesimpulan**

Keamanan dan keharmonian yang dinikmati kini perlulah disyukuri dan dihargai. Segala yang dikecapi pada hari ini adalah berkad perjuangan dan pengorbanan pejuang orang yang terdahulu. Oleh yang demikian, sewajarnya setiap pejuang yang mempertahankan tanah air ini dikenang dan dihargai oleh negara dan masyarakat. Sikap “kacang lupakan kulit” wajar dihindarkan dari kalangan masyarakat berbudaya di negeri khususnya dan Malaysia amnya. Tanggungjawab dalam menjalankan tugas adalah prinsip dalam diri yang diterapkan oleh Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi sepanjang kerjayanya dalam pasukan Polis. Sarjan (B) Jefri adalah anak jati negeri Sabah yang

---

<sup>43</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos, 2018.

<sup>44</sup> Temubual bersama dengan Veteran Polis Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi dikediamannya di Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah pada 20 Ogos, 2018.

<sup>45</sup> *Ibid.*,

menyumbang jasa dan bakti kepada negara wajar diteladani oleh generasi muda di masa hadapan. Masa muda dimanfaatkan dengan sepenuhnya dengan menyertai pasukan Polis. Saranan beliau agar apa pun situasi, maruah agama, bangsa dan negara adalah keutamaan dalam semua tindakan perlu disemai dalam setiap diri warganegara Malaysia. Mempertahankan kemerdekaan dan keamanan turut menuntut usaha semua pihak sama ada dari pasukan keselamatan dan pertahanan, masyarakat, pelajar sekolah, penuntut institut pengajian tinggi, ahli cendiakiawan, dan barisan kepimpinan negara bagi mengisi bagaimana kemuliaan hidup harmoni dalam kepelbagaian di negara ini wajar dipertahankan pada generasi kini dan masa hadapan dengan perasaan ‘Sayang Malaysia’.

## Penghargaan

Kajian ini adalah atas bantuan Geran Penyelidikan Pascasiswazah UMSgreat 18 Bulan : RM 7,000.00 yang diberikan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) Universiti Malaysia Sabah.

## RUJUKAN

### Jurnal

- Abu Hassan Abdul, Wahibah Twahir. (2012).Penulisan karya Autobiografi Melayu di Malaysia dan Indonesia, Perkembangan, Isu dan Pembaharuan. *PERSPEKTIF Journal*. 4(1): 22-45.
- Adams, M.C. (1929). *The Constabulary of North Borneo*. British North Borneo Constabulary.
- Aisyah Ab Rahim, Mohd Roslan Mohd Nor. (2014). Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam Di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957): Satu Tinjauan Biografi. *Jurnal Al-Muqaddimah*. 2 (2): 90-101.
- Justus M. Van Der Kroef. (1967). *Communism In Malaysia And Singapore : A Contemporary Survey*. The Hague. Martinus Nijhoff.
- Kamarudin Salleh, Liyana Mustafa. (2018). *Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Abdul Shukor Husin: Kajian Biografi Ringkas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Kasri Kasri Saidon. (2016). Sepintas Lalu Mengungkap Beberapa Elemen Sejarah Kedah Dalam Autobiografi Sebuah Perjalanan Karya Abdullah Hussain Tumpuan Kepada Sejarah Tempatan Sungai Limau Daerah Yan,

December 2016. *Conference: Persidangan Sejarah Lisan Malaysia-Thailand*, At: Pak Bara, Thailand.

Mohd. Amin Hassan. (1974). Tradisi Lisan - Sejarah Lisan Dalam Usaha Mengkaji Sejarah Malaysia. *Akademika*. The National University Of Malaysia.4: 27-42.

### **Buku**

Awang Mohd. Jamil Al-Sufi. (2003). *8 Disember: Dalangnya Siapa?*. Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan: Bandar Seri Begawan.

E.D, Smith. (1985). *Malaya And Borneo: Counter Isurgensy I*. London: Ian Allan Ltd.

Mackie. (1974). *Konfrontasi:The Indonesia-Malaysia Dispute, 1963-1966*. London: Oxford University Press.

James Harold, Denis Small Shell. (1991). *The Underclared War*. London: Leo Cooper.

J.C. Durkin.(2011).*Malayan Scouts SAS A Memoir of The Malayan Emergency, 1951*. Great Britain: Spellmount.

Kunasselan Muniandy. (1996). *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nick Van Der Bijl. (2007). *Confrontation War With Indonesia 1962-1966*. London: Pen & Sword.

Nik Anuar Nik Mahmud. (2000). *Konfrontasi Indonesia-Malaysia*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Selamat Bin Sainayune. (2007). *Polis Wanita Sejarah Bergambar 1955-2007*. Petaling Jaya: Publication.

Syed Othman Syed Omar. (1999). *Tentera Malaysia Dalam Konfrontasi*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakaria Saleh. (1995). *Biogarfi Seorang Jeneral Tan Sri Abdul Hamid Bidin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Koleksi Peribadi**

Sarjan (B) Jeffy Mohd Asi. Veteran Pasukan Polis. Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah.

### **Akhbar**

*Berita Harian*, 16 September 1963.

*North Borneo New & Sabah Times*, 10 December 1962.

*North Borneo New & Sabah Times*, 17 December 1962.

### **Tembual**

Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi (1258). Kampung Labuan, Kota Belud, Sabah, Malaysia. 20 Ogos 2018.

Sarjan (B) Sibi Rontog (1204). Kampung Tuaran, Sabah, Malaysia. 25 Ogos 2018.

Koperal (B) John Amba (1290), Keningau, Sabah, Malaysia. 20 September 2018.

Koperal (B) Peter Sodomon. Tenom, Keningau, Sabah, Malaysia. 20 Julai 2018.